



SIARAN AKHBAR

KADAR PERTUKARAN RINGGIT BRUNEI DAN DOLAR SINGAPURA (2)

1. Berhubung dengan siaran akhbar Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) pada 27 September 2016 mengenai dengan Kadar Pertukaran Ringgit Brunei dan Dolar Singapura, AMBD ingin, sekali lagi, mengongsikan bahawa di bawah Perjanjian Kesalingbolehtukaran Matawang atau *Currency Interchangeability Agreement* (CIA), yang telah dikuatkuasakan pada tahun 1967 diantara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura, Dolar Singapura (SGD) dan Ringgit Brunei (BND) masing-masing diteriman pada nilai yang sama atau 1:1, tanpa caj, melalui autoriti-autoriti monetari dan bank-bank di kedua-dua negara.
2. Matawang Negara Brunei Darussalam yang ada dalam edaran di Republik Singapura boleh diterima sebagai 'customary tender' untuk membuat mana-mana pembayaran di Republik Singapura, dan matawang Republik Singapura yang ada dalam edaran di Negara Brunei Darussalam boleh diterima sebagai 'customary tender'.
3. Dalam konteks syarikat penukaran wang, tidak ada larangan bagi syarikat berkenaan untuk mengenakan caj atau kadar pertukaran yang berbeza bagi BND dan SGD. Ini merupakan hak perniagaan tersebut.
4. Dalam pada itu, AMBD ingin mengingatkan bahawa orang ramai hendaklah perlu bijak dalam membuat keputusan sebelum melaksanakan sebarang transaksi kewangan dengan membuat perbandingan yang bersesuaian, khususnya dalam membandingkan caj atau kadar pertukaran yang akan dikenakan. Orang ramai juga boleh menggunakan BND di gedung-gedung perniagaan di Republik Singapura, yang pada lazimnya, juga akan menerima BND.
5. AMBD juga ingin mengingatkan bahawa bagi menjamin nilai pertukaran matawang BND dan SGD yang sama tanpa caj, orang ramai bolehlah menukar matawang SGD ke matawang BND, atau matawang BND ke matawang SGD di kaunter bank-bank di kedua-dua negara. Jika ada terdapat mana-mana bank yang menukar matawang BND dan SGD dengan nilai pertukaran matawang yang tidak sama, atau dengan caj, orang ramai dinasihatkan untuk memaklumkannya kepada Monetary Authority of Singapore (MAS) dan AMBD.
6. Maklumat lanjut mengenai dengan CIA diantara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura boleh didapati melalui AMBD App, yang boleh dimuat turun secara percuma melalui 'App Store' bagi pengguna iPhone dan 'Google Playstore' bagi pengguna Android; atau dengan melayari laman sesawang AMBD di <http://www.ambd.gov.bn>. Bagi sebarang pertanyaan, orang ramai boleh menghubungi pihak AMBD di talian 2382186 atau melalui emel info@ambd.gov.bn.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Tarikh: 10 Muharram 1437/ 11 Oktober 2016

Rujukan: AMBD/COMMS/3